

## Perubahan dan Kesenambungan: Isu Pendidikan Masyarakat Melayu-Cam di Kemboja

Change and Continuity in the Educational Issues of the Malay-Cam Community in Cambodia

MOHAMAD ZAIN MUSA, FARID MAT ZAIN & FATIMAH ABDULLAH

### ABSTRAK

*Orang Cam merupakan sekumpulan etnik yang terdapat di Kemboja. Walaupun beragama Islam, mereka hidup sebelah-menyebelah dengan orang Khmer yang kebanyakannya beragama Buddha. Sebagai satu etnik minoriti, mereka tidak terlepas daripada terlibat dalam arus pemodenan akibat pembangunan pesat yang berlaku di Kemboja. Makalah ini menghuraikan keadaan semasa dan cabaran yang dihadapi oleh orang Cam. Tumpuan khusus adalah kepada kehidupan dan persekitaran hidup mereka terutamanya dalam bidang pendidikan. Persoalan yang dibicarakan ialah berkaitan dengan peluang-peluang pendidikan yang ada untuk kanak-kanak Cam di samping pandangan ibu bapa mereka mengenai pendidikan untuk anak-anak mereka. Data yang dibentang adalah berdasarkan kepada maklumat yang disampaikan oleh masyarakat Cam yang ditemui sepanjang kajian lapangan yang telah dilakukan di beberapa buah perkampungan orang Cam yang terletak di sepanjang Sungai Tonle Sap dan keliling Tasik Tonle Sap, Kemboja.*

*Kata kunci: orang Cam, pendidikan, sekolah agama, etnik, minoriti*

### ABSTRACT

*The Cham is an ethnic group of Cambodia. Being Muslims, they live side by side the Khmer who are mostly Buddhists. As a minority, they are included in the process of modernization of Cambodia, which is due to the rapid development of the country. This paper describes the current situation of the Cham and the challenges they face, with a special focus on their daily life and environment. Of interest is the field of education particularly as it relates to educational opportunities available to the Cham children as well as parents' views on education for their children.*

*Keywords: the Cam, educational, religious schools, ethnic, minority*

### PENGENALAN

Pada tahun 1936, orang Cam di Kemboja dianggarkan berjumlah 88,000 orang (Scupin 1995). Menurut Scupin lagi, Marcel Ner menganggarkan penduduk Cam meningkat dengan pesatnya dalam tahun-tahun 1940-an berikutan kejatuhan kadar mortaliti bayi disebabkan penggunaan perubatan Barat. Menjelang 1975 pula, Kiernan menganggarkan penduduk Cam akan meningkat kepada 250,000 orang. Anggaran itu didasarkan kepada pertambahan penduduk sebanyak 2.7 peratus setahun antara tahun-tahun 1936-1975. Walau bagaimanapun, pertumbuhan penduduk Cam telah turun kepada hanya satu peratus di antara tahun 1975 dan 1978 akibat dasar *geneocide* zaman Pol Pot di bawah Regim Khmer Rougenya (Scupin 1995). Po Dharma (1981) menganggarkan orang Cam yang beragama Islam adalah seramai 150,000 orang sahaja (hasil dari perbincangan yang lebih teliti di antara pakar-pakar). Kebanyakan mereka yang beragama Islam itu telah melalui sejarah pahit terutamanya bermula dengan pemerintahan Pol Pot pada tahun 1975 hinggalah 1980 (Mohamad Zain 2003).

Menurut Mohamad Zain (2003), Regim Khmer Rouge itu telah mengenakan kekerasan kepada orang Cam sehingga memaksa sebahagian besar daripada mereka melarikan diri ke negara jiran untuk menyelamatkan diri dan agama Islam yang mereka anuti. Agama Islam yang mereka anuti itu dianggap sebagai penghalang kepada pembentukan negara yang berpegang kepada fahaman komunis itu. Di bawah pemerintahan komunis itu, penduduk khususnya yang beragama Islam telah diseksa, dibunuh dan dihalau keluar dari bandar dan kampung halaman mereka. Semua orang Kemboja menyembunyikan identiti mereka selepas menyedari semua pegawai, yang berpangkat, dan pernah berkhidmat dalam pemerintahan Lon Nol dicari dan dibunuh dengan kejam. Pihak tentera telah membakar kampung sekiranya ada, walaupun hanya seorang yang menentang regim Khmer Rouge atau Angkar (istilah bagi regim tersebut) (Viviane 1997). Tindakan itu merupakan usaha Khmer Rouge menghapuskan identiti orang Islam yang digambarkan sebagai sukar mematuhi arahan. Dianggarkan 500,000 orang telah menjadi mangsa Khmer Rouge dan mereka sama ada mati dibunuh atau lari mencari perlindungan di beberapa negara lain seperti

Thailand, Malaysia dan beberapa negara di luar Asia Tenggara (Mohamad Zain 2007).

Sejarah panjang yang mereka lalui itu beserta pula dengan persekitaran fizikal dan politik selepas Pol Pot, telah sedikit sebanyak mempengaruhi kehidupan masyarakat Cam masa kini. Hal ini boleh dilihat terutamanya dalam konteks organisasi sosial seperti jalinan hubungan keluarga, aktiviti ekonomi dan nilai berkaitan dengan pendidikan (Mohamad Zain 2003). Walau bagaimanapun, untuk perbincangan dalam makalah ini hanya aspek pendidikan yang akan diberikan tumpuan. Persoalan-persoalan yang diketengahkan ialah kepentingan pendidikan kepada orang Cam terutamanya dalam menangani arus pemodenan dan globalisasi yang sangat pesat pada abad kedua puluh satu ini.

Isu berkaitan dengan pendidikan dalam masyarakat Cam sangat penting untuk diteliti dan difahami. Ini kerana dalam mana-mana masyarakat pun, pendidikan merupakan faktor utama yang dapat membebaskan individu daripada kemiskinan (Macionis 2006). Malah Macionis (2006) berpendapat bahawa pendidikan turut menyebabkan migrasi warga desa keluar meninggalkan kampung halaman dan keluarga mereka untuk merebut peluang pekerjaan yang kebanyakannya berpusat di bandar.

Dalam konteks masyarakat Cam, persepsi mereka terhadap pendidikan untuk anak-anak mungkin berbeza. Pandangan itu mungkin mempunyai kaitan dengan nilai dan norma dalam masyarakat berkenaan berkait dengan jalinan hubungan keluarga dan aktiviti ekonomi yang mereka sertai. Malah, pegangan agama dan suasana politik masa lalu mungkin sama-sama memainkan peranan dalam mempengaruhi sikap ibu bapa terhadap pendidikan anak-anak. Sehubungan dengan huraian di atas, makalah ini cuba menyentuh pandangan masyarakat Cam terhadap pentingnya pendidikan untuk anak-anak mereka sama ada anak lelaki mahu pun anak perempuan. Huraian juga berkisar kepada pandangan orang Cam berhubung dengan pendidikan kebangsaan dan pendidikan agama. Turut disentuh ialah infrastruktur yang ada seperti bangunan sekolah, lokasi serta kemudahan-kemudahan lain termasuk guru-guru yang mengajar dan kemudahan-kemudahan lain dalam mempengaruhi kemasukan kanak-kanak ke sekolah.

#### ORANG CAM DI KEMBOJA

Tidak ada perangkaan yang tepat mengenai jumlah sebenar masyarakat Cam di Kemboja pada masa ini. Walau bagaimanapun, data daripada *Save Cambodia Wildlife* (SCW) menganggarkan terdapat 288,400 orang Cam di Kemboja pada tahun 2000 (Save Cambodia Wildlife 2006: 2). Menurut laporan tersebut, orang Cam merupakan 2.2 peratus daripada seluruh penduduk

Kemboja bagi tahun 2004. Mereka adalah kumpulan minoriti yang terbesar diikuti dengan orang Vietnam (0.4 peratus) dan orang Cina (0.2 peratus).

Menurut Mufti Kemboja Tuan Haji Kamaruddin Yusof (temu bual dengan Mufti Kemboja, Tuan Haji Kamaruddin pada 22 November 2008), terdapat sekitar 350,000 hingga 400,000 orang Cam di seluruh Kemboja dan mereka tinggal di kira-kira 428 buah perkampungan atau penempatan orang Islam Cam di Kemboja. Menurut Tuan Mufti lagi, kebanyakan mereka tinggal di sepanjang Sungai Mekong, Sungai Tonle Sap dan keliling Tasik Tonle Sap. Mereka juga boleh ditemui di bandar atau pekan-pekan seperti Kompong Chhnang, Battambang, Pursat, Siem Reap, Kompong Thom, Kompong Cham dan sekitar Phnom Penh. Di bahagian selatan pula mereka tinggal di Kampot.

Orang Cam yang tinggal di Kemboja merupakan saki baki keturunan daripada pelarian Kerajaan Campa yakni kerajaan yang berorientasikan maritim dan sangat berkuasa di bahagian tengah dan selatan IndoCina. Kerajaan tersebut telah menguasai wilayah tengah Vietnam (masa kini) di antara abad kedua hingga kelima belas Masihi. Kebanyakan orang Cam ini telah berhijrah dari Vietnam lebih 500 tahun dahulu. Orang Cam di Vietnam pula kebanyakannya tinggal di Phanri dan Phanrang (Mohamad Zain 2007).

Masyarakat Cam pada awal pembentukannya banyak dipengaruhi oleh budaya Hindu-Buddha (Mohamad Zain dalam Lafont 1996). Ini dapat dilihat dalam agama dan kesenian mereka. Kira-kira pada abad kesembilan, orang Cam telah memeluk agama Islam. Hal tersebut mungkin disebabkan kontak dengan orang Melayu yang telah memeluk agama Islam lebih awal (Ross 1987).

Po Dharma (1981) pula telah membahagikan orang Cam Kemboja kepada dua kumpulan iaitu ortodoks dan tradisional, yang beliau asaskan kepada amalan agama. Kumpulan ortodoks yang merupakan satu pertiga daripada seluruh orang Cam di Kemboja tinggal di kawasan Phnom Penh-Udong dan di wilayah Takev dan Kampot. Sementara orang tradisional Cam pula tinggal di beberapa perkampungan dalam provinsi Battambang, Kompong Thom, Kompong Cham, dan Pursat. Kini orang Cam boleh ditemui di seluruh Kemboja. Mereka berpindah dan membuka perkampungan baru khususnya di utara dan timur laut Kemboja, dalam usaha untuk meningkatkan ekonomi keluarga berikutan keperluan mereka yang semakin meningkat dan kesulitan mencari makan di kampung asal (Mohamad Zain 2007).

Orang Cam bertutur bahasa yang digolongkan dalam rumpun Austronesia yakni dalam keluarga Malayo-Polynesia. Bahasa Cam mempunyai kaitan dengan bahasa-bahasa yang dipertuturkan di Kepulauan Pasifik, Indonesia Barat termasuk bahasa pertuturan di Malaysia, Kalimantan, Sumatra, Jawa dan Bali (Marrison 1975).

## LATAR BELAKANG KAJIAN

Makalah ini adalah didasarkan kepada kajian yang lebih besar tentang masyarakat Cam (Geran Penyelidikan UKM-GUP-TKS-08-12-272). Tetapi sebahagian besar daripada data yang dibentangkan khusus didasarkan kepada kajian lapangan yang telah dilakukan terhadap orang Melayu-Cam di Kemboja antara 16 hingga 23 November 2008. Orang Melayu-Cam yang disentuh dalam makalah ini adalah merujuk kepada orang Cam dan Orang Chvea. Chvea adalah bahasa Khmer yang merujuk kepada orang Jawa yang dikatakan mempunyai asal usul dari wilayah Malaya-Indonesia. Orang Chvea bertutur bahasa Khmer dan mereka yang ditemui lebih suka dirujuk sebagai Khmer Islam dan bukannya Chvea (kebanyakan mereka yang ditemui tinggal di Battambang).

Beberapa perkampungan orang Melayu-Cam yang terletak di sepanjang Sungai Tonle Sap dan sekeliling Tasik Tonle Sap telah dikunjungi. Kampung-kampung iaitu ialah Oudong, dan Chrok Romiet yang terletak di Provinsi Kompong Chhanang; Kompong Psar dan Kompong Krâl Krabei di Provinsi Pursat; Kompong Norea Loeu dan Kompong Sla Kêt di Provinsi Battambang; Kampung Stung Thmey, Provinsi Siem Reap; Trapêang Chouk di Provinsi Kompong Thom; Phum Prêk Bak di Provinsi Kompong Cham, dan KM9 Khum Chrang Chamres utara Phnom Penh (Lihat Peta 1).



PETA 1. Peta Kemboja dan Tempat-tempat Kajian dijalankan  
Sumber: <http://www.canbypublications.com/maps/camroad.htm>

Data yang dibentangkan dalam makalah ini diperolehi melalui pemerhatian dan temu bual yang dilakukan di rumah mereka, masjid, madrasah, restoran atau tempat mereka berjual/berniaga. Temu bual

di rumah biasanya dengan ketua keluarga (lelaki). Kadangkala temu bual disertai oleh isteri dan anak-anak. Temubual di masjid atau madrasah pula biasanya disertai oleh lebih ramai orang (kesemuanya lelaki) kerana kebanyakannya dilakukan selepas solat waktu atau sebelum solat Jumaat. Perbualan mengambil masa yang agak lama kadangkala hingga lebih sejam bergantung kepada kesediaan informan untuk ditemu bual. Perbualan menyentuh antara lain soal-soal keluarga, perkahwinan, anak, pendidikan, aktiviti ekonomi, dan penglibatan dalam politik.

Kebanyakan perbualan adalah dalam bahasa Cam. Hal ini tidaklah menjadi masalah kerana ahli dalam kumpulan penyelidikan ini boleh berkomunikasi dalam bahasa berkenaan. Lagi pun, bahasa Cam mempunyai banyak persamaan dengan bahasa Melayu dan agak mudah untuk mempelajarinya. Contohnya teh = tae; kopi = kafê; gula = sko (sakar Bahasa Melayu loghat Kelantan); pasar = pšah; wang (duit) = loey. Walau bagaimanapun, perbualan menjadi lebih mudah apabila ada di antara orang Melayu-Cam yang boleh bertutur bahasa Melayu dan/atau bahasa Inggeris. Malah ada yang boleh bertutur bahasa Arab dan komunikasi dalam bahasa tersebut (kebanyakan mereka adalah guru sekolah agama, dan pernah menuntut di Malaysia atau di negara-negara di Timur Tengah). Perbualan dalam bahasa Arab juga tidak menjadi masalah kerana ahli dalam kumpulan penyelidik kami juga boleh bertutur dan faham bahasa Arab.

Keupayaan orang Cam bertutur dalam bahasa Melayu adalah disebabkan oleh hubungan mereka dengan orang Melayu di Malaysia yang telah lama terjalin khususnya apabila ada orang Melayu-Cam yang telah datang ke Tanah Melayu (khususnya Kelantan) untuk belajar agama di pondok-pondok atau kerana guru-guru agama dari Kelantan telah datang mengajar agama di Kemboja (Nik Mohammad 2005). Pada tahun-tahun kebelakangan ini pula, semakin ramai orang muda yang berkunjung ke Malaysia sama ada bertemu saudara mara, bekerja atau menyambung pelajaran. Oleh itu, jumlah mereka yang boleh bertutur Bahasa Melayu semasa temu bual juga ramai.

## PENDIDIKAN DALAM MASYARAKAT MELAYU-CAM

### SENARIO PENDIDIKAN DI KEMBOJA

Sungguhpun pendidikan membuka peluang yang sama untuk mendapatkan pelajaran tetapi akses yang sebenarnya masih rendah. Hal ini dapat dilihat dalam konteks enrolmen di sekolah. Perangkaan yang dikumpulkan oleh Save Cambodia Wildlife (2007: 104) menunjukkan bahawa secara keseluruhannya perangkaan pendidikan bagi tahun 2004/5 mendapati kadar kemasukan sekolah rendah bagi seluruh penduduk

Kemboja ialah 80.6 peratus. Bagi kumpulan penduduk yang berumur enam hingga 11 tahun pula, akses kepada pendidikan mencapai 92.0 peratus termasuk 91.5 peratus bagi penduduk perempuan. Menurut laporan tersebut, angka itu merosot bagi sekolah menengah di mana kadar kemasukan bersih bagi sekolah menengah rendah ialah 26.15 peratus dan 9.35 peratus bagi sekolah menengah atas. Perangkaan itu memperlihatkan bahawa walaupun akses kepada pendidikan rendah adalah memuaskan tetapi akses di peringkat menengah terutamanya di desa dan kawasan terpencil sangat terbatas (Save Cambodia Wildlife 2007: 104). Dalam konteks orang Melayu-Cam, situasinya tentulah lebih buruk memandangkan di bawah pemerintahan Pol Pot, hak untuk mendapat pendidikan terabai dan keadaan itu berterusan untuk sekian lama. Hal ini ada disebut oleh Tuan Mufti Haji Kamaruddin (temu bual pada 22 November 2008) seperti berikut;

Pendidikan dalam konteks orang Cam pula masih mundur. Ini kerana tidak banyak peluang diberikan kepada mereka. Ibu bapa mengharapkan pendidikan agama lebih daripada pendidikan kebangsaan. Sejarah pendidikan orang Melayu-Cam adalah satu sejarah yang pahit. Orang Melayu-Cam belajar agama daripada guru-guru yang datang dari Kelantan, Pattani dan Arab. Apabila Kemboja jatuh ke tangan komunis, pendidikan lebih-lebih lagi pendidikan agama tidak dipentingkan, malah dimusnahkan. Sekolah di kampung-kampung berserta dengan peralatannya telah dimusnahkan. Masa itu saya sedang belajar dalam darjah lapan dan berusia kira-kira 15 tahun. Jadi orang tua-tua seperti saya yang sekarang ini menghampiri 60 tahun merupakan kumpulan yang agak "jahil" kerana tidak sempat ke sekolah dan mendalami pengetahuan khususnya yang berkaitan dengan agama Islam.

Menurut Tuan Mufti lagi, dalam jangka masa lebih kurang lima tahun pemerintahan Pol Pot, bukan sahaja sekolah telah dimusnahkan, malah alim ulama juga dibunuh sementara kitab-kitab agama dibakar.

Orang Islam yang hidup dibawa ke tempat lain dan dipisahkan daripada kaum keluarga. Apa yang mereka bawa hanyalah kain, buian dan pinggan mangkuk sahaja. Dengan peristiwa yang berlaku itu tidak hairanlah jika pendidikan untuk orang Melayu-Cam khususnya pendidikan agama bukan sahaja terbengkalai malah daif sekali keadaannya. Dengan ketiadaan buku dan kitab-kitab, guru yang mengajar hanyalah berdasarkan kepada ingatan sahaja.

Tuan Mufti juga menyebut bahawa selain situasi politik, desakan hidup seperti keperluan tenaga kerja daripada anak-anak untuk membantu ibu bapa turut menjadi penyebab kenapa pendidikan tidak diberi tempat yang penting dalam masyarakat Cam. Hal ini boleh dilihat dalam kenyataan beliau yang berikut;

Selepas zaman Pol Pot barulah ada kebebasan untuk membina sekolah tetapi kebanyakan guru tiada kemahiran dan tidak terlatih. Bukan setakat itu sahaja, guru tidak ada gaji. Anak-anak pula sentiasa sibuk membantu ibu bapa menanam padi, menjaga lembu atau menangkap ikan. Pernah satu ketika semasa guru sedang mengajar dalam kelas, ada ibu bapa yang

datang memanggil anak mereka keluar kelas atau balik kerana lembu belum dibawa ke padang untuk diberi makan. Ibu bapa tidak melihat pentingnya pendidikan untuk anak-anak mereka. Malah mereka pula yang datang ke sekolah untuk membawa anak-anak pulang membantu kerja mereka di sawah atau kerja-kerja lain.

Menurut Tuan Haji Kamaruddin, Pejabat Mufti menganggarkan di seluruh Kemboja terdapat kira-kira 200 buah sekolah yang agak formal, manakala yang lain adalah dalam bentuk sementara itu, iaitu kira-kira 300 hingga 400 buah yang beroperasi di masjid, pinggir masjid malah di bawah rumah. Tidak ada perangkaan yang tepat mengenai pendidikan bagi kanak-kanak Melayu-Cam. Berdasarkan kepada maklumat yang diperolehi semasa temu bual dengan beliau dan guru-guru agama yang ditemui. Secara umumnya, pendidikan untuk kanak-kanak Melayu-Cam boleh dibahagikan kepada dua iaitu pendidikan kebangsaan dan pendidikan agama. Lazimnya, pendidikan kebangsaan adalah pendidikan formal di sekolah-sekolah yang disediakan oleh pemerintah. Sementara pendidikan agama pula lebih bersifat tidak formal dan dikendalikan atas usaha masyarakat Islam setempat. Pendidikan kebangsaan dibuka kepada semua rakyat Kemboja termasuk etnik Cam. Waktu sekolah adalah dari pagi (8.00 pagi) sehingga tengah hari iaitu kira-kira jam 1.00 atau lebih awal bergantung kepada tahap pengajian. Pembelajaran sebelah petang pula ditumpukan kepada pelajaran agama. Persekolahan agama mengambil masa lapang sama ada sebelah petang atau pagi bergantung kepada pelajaran di sekolah kebangsaan. Jika kanak-kanak bersekolah kebangsaan di sebelah pagi, mereka akan ke kelas agama pada waktu petang, begitulah sebaliknya.

#### SIKAP IBU BAPA TERHADAP PENDIDIKAN ANAK-ANAK

Kebanyakan kanak-kanak Melayu-Cam mula bersekolah pada usia lima hingga enam tahun. Sebagaimana yang disebut di atas, mereka belajar sebelah pagi di sekolah kebangsaan dan pada sebelah petang pula mereka belajar di sekolah agama. Kebanyakan sekolah rendah dan sekolah agama terletak dalam kampung atau berdekatan. Sekolah agama selalunya terletak berdekatan atau bersebelahan masjid. Malah ada yang beroperasi di masjid sebagaimana yang dinyatakan di atas.

Kebanyakan sekolah menengah pula terletak di pekan atau bandar dan jauh dari kampung atau penempatan orang Melayu-Cam. Oleh itu, tidak hairanlah jika ada kanak-kanak yang tidak meneruskan persekolahan menengah kerana ia melibatkan kos baik dari segi pengangkutan mahupun tempat tinggal. Kebimbangan ibu bapa terhadap keselamatan anak-anak dan pengaruh negatif daripada kehidupan bandar itu dinyatakan oleh ibu bapa yang ditemui dan hal tersebut merupakan antara faktor yang tidak mendorong mereka menghantar anak-anak melanjutkan pelajaran ke tahap

yang lebih tinggi. Selain daripada faktor jarak dan keselamatan anak-anak, keperluan tenaga kerja daripada anak-anak mereka juga merupakan faktor penting mengapa kanak-kanak Cam tidak meneruskan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Hal ini dinyatakan oleh ibu bapa yang ditemui khususnya yang bekerja sendiri dan memerlukan tenaga kerja untuk membantu mereka. Di tempat-tempat lain juga, ibu bapa menyatakan bahawa kanak-kanak perempuan dikehendaki membantu ibu bapa bekerja di sawah, bercucuk tanam, berniaga atau menjahit.

Pendidikan menengah dilihat oleh ibu bapa yang ditemui sebagai mengganggu pelajaran agama. Malah guru-guru sekolah agama yang ditemui baik di Pursat, Battambang mahupun Kompong Cham juga berpendapat demikian. Menurut guru-guru berkenaan, tugas sekolah (menengah) yang banyak boleh mengganggu pelajaran kanak-kanak yang belajar di sekolah agama dan seterusnya menghalang mereka untuk ke sekolah agama. Menurut mereka lagi, hanya pelajar yang betul-betul rajin sahaja yang akan ke sekolah agama pada sebelah petang, yakni selepas belajar di sekolah kebangsaan sebelah pagi.

Sebagaimana yang disebut lebih awal, kedudukan sekolah yang jauh dari kampung dan ditambah pula dengan kebimbangan ibu bapa terhadap kehidupan anak-anak mereka merupakan penghalang kepada kanak-kanak untuk meneruskan pelajaran. Kebanyakan ibu bapa bimbang anak-anak mereka yang belajar di bandar terpengaruh dengan budaya yang bertentangan dengan kehidupan tradisi mereka yang berteraskan ajaran agama Islam. Mengenai hal ini, Ustaz Musa dari Siemreap menyebut;

Jika anak-anak tinggal berjauhan dari keluarga mereka mungkin terpengaruh dengan persekitaran yang baru. Di sekolah kebangsaan, mereka belajar dalam bahasa Khmer dan akan bergaul dengan orang Khmer; nanti takut-takut “belajar Khmer jadi Khmer.” Akidah mereka, baik lelaki mahupun perempuan mungkin mungkin terabai dan dikhuatiri mengikut ajaran Buddha.

Sebagaimana yang dinyatakan di atas, anak-anak yang telah besar (remaja) sangat diperlukan untuk membantu ibu bapa. Abdul Karim, 45 tahun dan isterinya Aishah, 38 tahun dari Kompong Norea Loeu di Provinsi Battambang telah memberhentikan anak lelakinya dari sekolah menengah kerana bantuannya diperlukan. Abdul Karim adalah penyembelih lembu. Kerja itu tidak boleh dilakukan bersendirian. Jadi daripada mengambil tenaga kerja lain, dia berpendapat lebih baik mengambil anaknya sendiri untuk sama-sama bekerja dalam bidang tersebut. Abdul Karim sekeluarga turut menjalankan perniagaan yang berkaitan dengan daging lembu, yakni membuat sosej dan menjual daging.

Tuan Haji Mohamad bin Yusof, 55 tahun dari Kompong Psar di Provinsi Pursat pula telah memberhentikan anak-anaknya dari sekolah;

anak perempuan yang berumur 20 tahun telah berhenti dari sekolah sebelum masuk ke sekolah menengah. Dia kena bantu ibunya mengendalikan restoran kerana tidak ada pembantu. Lagipun, sekolah menengah agak jauh dari pekan ini. Bimbang pula sekiranya dia terpengaruh dengan nilai-nilai moden di bandar. Anak lelaki pun berhenti sekolah (sekolah menengah kebangsaan) kerana saya mahu dia belajar di sekolah agama. Bagi saya, pelajaran agama lebih penting kerana dapat menyediakan diri dengan kehidupan di akhirat.

Selain bimbang dengan pengaruh budaya luar, masalah kemiskinan khususnya kesempitan wang menjadi penghalang utama kepada ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah, khususnya ke peringkat yang lebih tinggi. Hal ini dinyatakan oleh Umi Kalsom, 46 tahun dari Phum Prêk Bak di Provinsi Kompong Cham pula, anak perempuannya yang berumur 19 tahun telah juga berhenti sekolah kerana tidak ada wang. Dia yang pernah bekerja di Malaysia telah kembali ke Kemboja dan menjalankan perniagaan kecil dengan membuka gerai berhampiran dengan masjid dan sekolah agama. Menurutnya, dia sedang mengumpul wang untuk membeli mesin jahit agar anak perempuannya dapat menjahit dan membolehkannya mencari wang tambahan.

#### INFRASTRUKTUR PENDIDIKAN DI KEMBOJA

Selain daripada faktor-faktor berkait dengan pandangan tentang pendidikan untuk anak-anak, infrastruktur pendidikan juga memainkan peranan penting dalam mempertingkatkan tahap pendidikan di kalangan masyarakat Cam. Hal ini dapat dilihat dalam konteks ada atau tidaknya sekolah dan kemudahan untuk belajar seperti peralatan dan guru-guru. Berkaitan dengan hal tersebut, Tuan Mufti memberitahu bahawa pendidikan (khususnya pendidikan agama) di kampung-kampung di Kemboja telah disusun semula. Tumpuan lebih telah diberikan kepada pendidikan peringkat bawah. Beliau menganggarkan terdapat lebih seribu (1,300 orang) orang guru di sekolah rendah dan 40 orang guru sekolah menengah agama seluruh Kemboja. Kebanyakan guru agama adalah dari kalangan mereka yang telah berjaya melanjutkan pelajaran di Timur Tengah dan di Malaysia. Menurut beliau lagi, oleh kerana bilangan mereka masih kecil, seorang guru perlu mengajar hingga 150 orang murid. Di setengah tempat, murid yang lebih tua dan berada dalam kelas atau tahap yang lebih tinggi akan membantu guru (ustaz) mengajar di kelas-kelas yang lebih rendah. Pemerhatian di kampung Norea menunjukkan kanak-kanak yang lebih tua mengajar kanak-kanak lain yang lebih muda daripadanya, dan pembelajaran yang dijalankan di serambi masjid itu berlangsung dalam keadaan yang sangat daif (lihat Foto 2).



FOTO 1. Sekolah Agama Terletak Bersebelahan Masjid di Kg Thom



FOTO 3. Sebahagian daripada Bangunan Sekolah Agama AlEhsan di KM9 Khum Chrang Chamres, Phnom Penh



FOTO 2. Sesi Pembelajaran di Masjid Norea

Menurut Tuan Mufti, pendidikan agama di Kemboja yang dikenali sebagai madrasah diletak sepenuhnya di bawah Pejabat Mufti (seperti di atas). Kos pengurusan madrasah datang daripada pembayaran zakat dan derma orang ramai. Menurut Tuan Mufti, guru yang mengajar tidak ada gaji, oleh itu pada masa yang sama mereka bekerja sendiri, yakni mengerjakan sawah atau menangkap ikan untuk menyara kehidupan, sebelum atau selepas mengajar. Tegasnya, kehidupan guru agama tidak ada gaji yang tetap tetapi bergantung kepada zakat daripada masyarakat Islam. Wang zakat selalunya datang sekali setahun dan tidak mencukupi. Tidak hairanlah guru-guru yang ditemui sepanjang penyelidikan ini dijalankan menyebut bahawa mereka bekerja semata-mata “kerana Allah” (*fi sabilillah*); walaupun wang zakat tidak mencukupi, tetapi atas dasar beribadat kepada Allah, mereka redha dengan kehidupan yang mereka lalui.

Kekangan kewangan, baik untuk pengurusan sekolah mahupun gaji guru-guru dapat diringankan apabila Pejabat Mufti menerima bantuan atau sumbangan kewangan daripada negara Islam lain (termasuk Malaysia). Sumbangan itulah yang diagih-agihkan kepada madrasah di seluruh Kemboja. Selain itu sumbangan Qurban oleh masyarakat Islam (dari Malaysia) menurut Tuan Mufti banyak membantu masyarakat Islam di Kemboja. Beliau memberitahu

bahawa 15 peratus daripada kos pengurusan qurban disalurkan kepada pendidikan. Sumber itu jugalah digunakan untuk memberi sagu hati kepada guru-guru agama sekali setahun.

Selain bergantung kepada zakat serta derma daripada umat Islam yang lain, terdapat juga cara lain untuk membayar gaji atau sagu hati kepada guru agama. Menurut Tuan Haji Ahmad (lebih dikenali sebagai Haji Ahmad Pakistan kerana pernah mendapatkan pendidikan agamanya di Pakistan) iaitu salah seorang guru di Sekolah Agama Al-Ihsan KM9 Khum Chrang Chamres, Phnom Penh, para guru berpuasa pada setiap hari Isnin dan Khamis. Wang yang sepatutnya digunakan untuk belanja makan pada hari-hari tersebut ditabungkan dan wang itu diberi kepada guru-guru sebagai tambahan kepada gaji tetap yang mereka terima. Menurut beliau, ini kerana walaupun setiap pelajar dikenakan bayaran sebanyak USD100 setahun, terdapat juga pelajar yang tidak mampu membayarnya. Jadi dengan berpuasa, pihak pengurusan dan pentadbiran sekolah dapat mengumpulkan wang untuk diberikan sebagai sagu hati kepada guru-guru.

#### MASYARAKAT MELAYU-CAM DALAM ARUS PEMODENAN: PERUBAHAN ATAU KESINAMBUNGAN

Di bahagian awal makalah ini telah disebut bahawa pendidikan merupakan faktor penting yang menentukan mobiliti sosial ke atas. Salah satu cara untuk mencapainya ialah dengan memastikan agar semua penduduk berpeluang mendapat pendidikan asas dan lanjutan. Oleh itu, halangan-halangan kerana kelas sosial, etnik, gender, agama, fahaman politik serta tempat tinggal perlulah dihapuskan. Akan tetapi, apa yang berlaku dalam kebanyakan masyarakat dan dalam konteks masyarakat Cam khususnya, tahap pencapaian pendidikan mereka masih rendah. Sebagaimana yang dinyatakan dalam bahagian lepas, keadaan ini mempunyai kaitan dengan infrastruktur sistem pendidikan di Kemboja dan sikap ibu bapa orang Cam terhadap pendidikan anak-anak mereka.

Keadaan ini meninggalkan kesan kepada pendapatan disebabkan ketidakupayaan mendapat kerja yang menawarkan upah yang tinggi. Dengan tahap pendapatan yang rendah serta sumber pendapatan yang tidak tetap (kerana hasil pertanian dan perikanan ditentukan oleh perubahan cuaca dan iklim), maka tidak hairanlah jika ramai daripada mereka berada dalam kemiskinan. Dalam keadaan yang miskin itu mereka berhadapan dengan risiko jangkitan pelbagai penyakit. Keadaan-keadaan yang “malang” itu tentunya lebih dirasai oleh kaum wanita memandangkan budaya dalam masyarakat berkenaan bersifat dominasi lelaki (Taylor 2007).

Untuk mempertingkatkan kualiti hidup bagi kebanyakan penduduk di negara-negara miskin, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah memperkenalkan suatu usaha menangani kemiskinan melalui Matlamat Pembangunan Millenium (MDGs) (Lapan Matlamat Pembangunan Millenium ialah: (1) Membasmi kemiskinan dan kebuluran yang melampau; (2) Memberikan pendidikan primari untuk semua; (3) Mempromosi kesamaan gender dan mengupayakan wanita; (4) Mengurangkan kematian bayi; (5) Meningkatkan kesihatan ibu; (6) Menangani HIV/AIDS, malaria dan penyakit lain; (7) Memastikan kemapanan alam sekitar; dan (8) Memperkembangkan kerjasama pintar untuk pembangunan). Usul ini telah dilancarkan pada tahun 1990 dan dijangka dicapai menjelang tahun 2015. Salah satu daripada matlamat pembangunan tersebut yang diharap dapat dicapai ialah memberikan pendidikan primari untuk semua. Menjelang 2015, semua kanak-kanak di dunia baik lelaki mahupun perempuan dijangka mendapat pendidikan rendah sepenuhnya. Hal ini boleh diukur melalui nisbah kanak-kanak lelaki dan perempuan di sekolah rendah; nisbah kanak-kanak yang masuk ke tahap satu yang sampai ke tahap lima; dan kadar kenal huruf bagi mereka yang berada dalam kumpulan umur 15 hingga 24 tahun (UNDP 2004: 135).

Berdasarkan saranan itu dan apa yang telah dilihat dalam konteks kajian lapangan yang dilakukan didapati bahawa orang Cam di Kemboja masih berhadapan dengan masalah lama iaitu kemiskinan, tahap pendidikan yang rendah dan tahap kesihatan yang belum memuaskan. Berdasarkan kepada perangkaan daripada UNDP pada tahun 2002 mengenai penduduk di Kemboja, didapati kadar kenal huruf bagi penduduknya yang berumur 15 tahun ke atas ialah 69.4%. Nisbah pendaftaran kasar bagi tahap rendah menengah dan tertiar ialah 59% dan 86% peringkat primari. Indeks pendidikan ialah 0.66 sementara indeks pembangunan manusia ialah 0.568 (meletakkan Kemboja pada tahap ke 130 dalam Indeks Pembangunan Manusia). Perangkaan itu adalah untuk seluruh penduduk Kemboja dan jika dilihat dalam konteks orang Cam yang merupakan golongan minoriti, tinggal di kawasan luar bandar dan terlibat dalam sektor pertanian, maka kedudukan mereka sudah pasti jauh lebih rendah daripada angka tersebut.

Membawa masyarakat Cam keluar daripada kemiskinan merupakan harapan kebanyakan orang Cam yang ditemui semasa kajian lapangan. Mereka mengakui bahawa pendidikan memainkan peranan penting dalam membawa mereka keluar daripada kemiskinan. Akan tetapi disebabkan desakan hidup dan ditambah pula dengan infrastruktur berkaitan yang sangat terhad, maka ramai yang tidak berupaya menghantar anak-anak mereka untuk belajar ke tahap pendidikan yang lebih tinggi.

Berdasarkan kepada data daripada kajian yang telah dilakukan, pandangan tentang pendidikan kelihatan sangat dipengaruhi oleh persekitaran di mana mereka tinggal. Malah pendekatan kepada pendidikan khususnya kaedah pengajaran dan lain-lain juga berbeza mengikut tempat. Penduduk di Siem Reap mempunyai pandangan yang berbeza tentang pendidikan. Selain menghantar anak mereka belajar di sekolah kebangsaan dan sekolah agama, kemahiran berkomunikasi dalam bahasa Inggeris dianggap penting. Hal ini tidaklah menghairankan kerana Siem Reap merupakan pusat pelancongan terkenal di Kemboja kerana Angkor Watnya. Ustaz Musa yang ditemui di Kampung Stung Thmey, Siem Reap menghantar anaknya belajar Bahasa Inggeris di pusat pengajian bahasa Inggeris yang dikendalikan oleh IDP dengan bayaran sebanyak USD80 pada tahap permulaan hinggalah USD170 bagi Tahap 12. Kelas-kelas bagi Tahap 1 hingga 12 ialah selama 45 jam bagi setiap tahap. Sebanyak USD150 dikenakan bagi mendapatkan diploma dengan kelas yang perlu dihadiri selama 45 jam.

Di KM9 Khum Chrang Chamres utara Phnom Penh pula, Ustaz Ibrahim, 65 tahun yang merupakan lulusan universiti di Kaherah, Mesir telah menghantar anaknya Safir, 22 tahun belajar di Royal University of Law and Economic di Phnom Penh. Safir telah lulus dalam bidang Undang-undang, tetapi belum bekerja dan menunggu peluang untuk menyambung pelajaran ke peringkat sarjana.

Memandangkan sebahagian besar masyarakat Cam berada dalam kemiskinan, maka tidak hairanlah jika tahap kesedaran mereka tentang kepentingan pendidikan juga agak rendah. Keadaan tersebut juga mungkin merupakan kesan daripada peperangan yang telah dilalui semasa zaman Pol Pot. Justeru, orang Cam yang ditemui menyebut bahawa sokongan daripada masyarakat luar seperti Malaysia sangat perlu. Mereka mengharapkan program-program dapat diadakan bagi memberi kesedaran tentang pentingnya pendidikan.

Dari segi infrastruktur dan pendekatan dalam pendidikan pula, terdapat juga perbezaan yang jelas antara sekolah agama di daerah yang berbeza. Di Kompong Norea Loeu, Battambang misalnya, pendidikan agama diadakan di masjid. Tidak ada pakaian seragam untuk pelajar. Peralatan persekolahan berada dalam keadaan yang sangat daif. Guru tidak mencukupi. Murid yang lebih tua dan lebih mahir membantu guru mengajar murid-murid yang lebih muda. Tidak berapa



FOTO 4. Sekolah Agama di Kompong Sla Kêt di Provinsi Battambang



FOTO 5. Bangunan Sekolah di Kompong Sla Kêt di Provinsi Battambang dibiaya oleh Warga Cam yang telah Berhijrah ke Amerika Syarikat

jauh dari Kompong Norea, yakni di Kompong Sla Kêt juga di Provinsi Battambang pula bangunan sekolah lebih elok kerana ehsan daripada warga Cam yang berkahwin dengan lelaki Amerika (**kini menetap di Amerika Syarikat** tetapi sering kembali ke tanah airnya). Pasangan berkenaan telah membiayai pembinaan sekolah untuk kanak-kanak di kampung tersebut.

Di KM9 Khum Cherang Chamres utara Phnom Penh pula, Sekolah Agama Al Ehsan didapati lebih tersusun. Sekolah berkenaan telah dibuka pada tahun 1983 dan mengandungi kelas-kelas tadika, sekolah rendah Islam dengan kelas peralihan dan kelas agama untuk pelajar sekolah kebangsaan. Sukatan pelajaran disusun sendiri dalam bahasa Arab. Kebanyakan guru adalah orang Cam yang merupakan lulusan STAM (Sijil Tinggi Agama Malaysia). Para pelajarnya peringkat tadika dan rendah memakai pakaian seragam sebagaimana kanak-kanak tadika atau PASTI di Malaysia. Pihak sekolah menyediakan pengangkutan untuk mengambil dan menghantar kanak-kanak yang tinggal jauh dari sekolah.

## CABARAN DAN MASA DEPAN

Dalam mana-mana masyarakat, pendidikan merupakan elemen penting untuk membangun modal insan (Kompong Sla Kêt Provinsi Battambang). Akan tetapi dalam konteks masyarakat Melayu-Cam, malah masyarakat tradisional yang lain juga, pendidikan mestilah mengikut keperluan dalam masyarakat dan persekitaran di mana mereka berada. Melihat kepada kebanyakan orang Melayu-Cam terlibat dalam sektor pertanian, perikanan dan ternakan maka pendidikan yang berkaitan dengan hal itu mungkin perlu diutamakan. Ini penting agar golongan muda yang tamat belajar dan berpengetahuan dalam bidang berkaitan tidak akan berhijrah ke bandar dan meninggalkan ibu bapa mereka di kampung sebagaimana yang berlaku di kebanyakan negara maju yang lain.

Keperluan untuk belajar bahasa asing mungkin lebih tinggi di tempat-tempat seperti Siem Reap dan Phnom Penh berbanding dengan tempat lain. Oleh itu, apa yang dilakukan oleh Ustaz Musa mungkin perlu diikuti oleh ibu bapa lain.

Melayu-Cam mungkin perlu merebut peluang dalam pelbagai bidang ilmu. Sebagaimana yang disebut oleh orang Melayu-Cam semasa temu bual dengan mereka di Kompong Sla Kêt Provinsi Battambang, doktor atau pegawai perubatan dari kalangan orang Cam tidak ada di kampung mereka (**temu bual dengan Haji Mohamad bin Yusof pada 17 November 2008**). Oleh itu, mereka tidak ada pilihan melainkan mengunjungi doktor dari berketurunan Khmer. Dari satu segi, hal ini ada baiknya dalam konteks hubungan antara etnik. Akan tetapi, keperluan kepada doktor dari kumpulan etnik sendiri tentunya lebih penting memandangkan banyak perkara berkaitan nilai, norma, kepercayaan dan amalan yang berkaitan dengan kesihatan serta perubatan dalam sesebuah komuniti tentu mudah difahami jika seseorang doktor datang daripada latar belakang sosio budaya yang sama. Untuk memenuhi hasrat itu, mereka berpendapat anak-anak orang Cam perlu melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi, khususnya mengambil bidang perubatan.

Selain itu, pandangan masyarakat berkenaan yang bimbang dengan pendidikan moden yang mungkin menyebabkan keruntuhan moral golongan muda harus juga dihormati. Kajian-kajian di tempat lain mendapati bahawa kos sosial yang tinggi terpaksa ditanggung akibat globalisasi, pemodenan dan pembangunan yang pesat (**laporan dari Pertubuhan Bukan Kerajaan mengenai keadaan wanita di Kemboja**). Kurang kawalan ibu bapa, pengaruh daripada rakan sebaya dan media mungkin menyebabkan keruntuhan moral dan hal ini amat dibimbangi oleh kebanyakan ibu bapa yang ditemui.

Sebagaimana yang ditegaskan oleh Ustaz Musa dan Tuan Mufti misalnya, pendidikan memang penting kepada orang Melayu Cam. Bagi Ustaz Musa, teknologi orang Cam masih jauh ketinggalan sebab itulah hasil pengeluaran mereka (dalam perikanan dan pertanian)



masih rendah. Justeru pendidikan penting agar mereka dapat menguasai teknologi tetapi tidaklah sehingga hilang identiti sendiri.

Haji Yusof Mohamad di Kompong Psar Provinsi Pursat mempunyai pandangan yang berbeza. Beliau mengakui tentang pentingnya pendidikan, akan tetapi baginya, pendidikan bukanlah dalam konteks meningkatkan kesedaran kanak-kanak Cam terhadap sejarah dan budaya etnik mereka sendiri. Pada Haji Mohamad budaya Cam “tidak ada apa lagi,” “kehilangan bahasa dan budaya tidak rugi apa-apa” kerana “semua kitab diterjemah dalam bahasa Khmer” (temu bual pada 17 November 2008) dan kanak-kanak Cam yang belajar di sekolah kebangsaan menguasai bahasa Khmer.

Isu lain berkaitan dengan pendidikan ialah kebajikan guru. Kebanyakan guru sekolah agama hidup di atas wang zakat. Sampai bila mereka sanggup bertahan dengan kesempitan hidup kerana pendapatan yang rendah itu merupakan satu persoalan yang perlu diberi perhatian. Dalam arus pemodenan dan kos hidup yang meningkat, kedudukan dari segi kewangan turut sama penting. Tegasnya, tiada jaminan dari segi ekonomi mungkin mendorong mereka untuk meninggalkan pekerjaan sebagai guru agama dan mencari pekerjaan lain terutamanya di bandar, yang boleh menawarkan upah yang lebih tinggi. Mengenai hal ini Tuan Mufti menyebut bahawa,

jika suami seorang guru dan mempunyai isteri berhati guru juga maka tidak ada banyak masalah, tetapi jika isteri mempunyai hati “tauke,” sudah tentu susah. Ini kerana isteri yang berhati guru tidak memandang harta atau wang ringgit, oleh itu mereka sanggup berkorban demi pendidikan anak bangsa. Sebaliknya jika si isteri berjiwa atau berhati tauke, tentu sekali dia akan lebih memandang wang ringgit dan tidak rela suaminya terus menjadi guru kerana tidak ada ganjaran kewangan.

## PENUTUP

Setakat mana pendidikan boleh membawa keluar orang Melayu-Cam daripada kemiskinan merupakan satu persoalan penting. Dalam konteks ini, campur tangan kuasa politik sangat penting. Menurut orang Cam yang ditemui, pemerintahan yang ada sekarang tidak menghalang kepada perkembangan pendidikan agama untuk umat Islam. Sikap sedemikian sangat dihargai oleh kebanyakan orang Melayu-Cam. Akan tetapi, persoalannya ialah apakah pendirian orang Cam sendiri terhadap pendidikan kebangsaan memandangkan maklumat dari temu bual menunjukkan bahawa mereka kurang memberikan penekanan kepada pendidikan kebangsaan disebabkan kemiskinan dan kedudukan sekolah yang jauh di samping bimbang akan pengaruh negatif terhadap anak-anak muda.

Selain itu kebanyakan orang Cam yang ditemui turut melahirkan kebimbangan berhubung dengan masa depan politik yang tidak menentu di Kemboja. Mereka khuatir

jika jika kepentingan orang Melayu-Cam dan Agama Islam tidak dipedulikan. Mereka bimbang jika anak-anak muda Cam “tidak mengenali agama Islam” lagi.

Akhir sekali, dengan melihat kepada tahap pendidikan yang masih rendah di kalangan sebahagian besar masyarakat Cam maka persoalan yang timbul ialah mampukah masyarakat Melayu-Cam berurusan dengan pelbagai cabaran dalam kehidupan moden? Ini kerana pendidikan merupakan asas penting dalam membasmi kemiskinan dan meningkatkan tahap kesihatan. Melalui pendidikan juga, masalah-masalah lain dalam masyarakat sebagaimana yang disebut dalam matlamat pembangunan Millenium misalnya dapat dicapai. **Sungguhpun fungsi kerajaan dalam meningkatkan taraf hidup masyarakat Cam amat penting tetapi orang Cam yang ditemui (khususnya pemimpin setempat) juga turut menyebut bahawa perancangan dan pelan pelaksanaan di kalangan masyarakat Melayu-Cam sendiri sangat penting.** Ini kerana mereka beranggapan bahawa kaum lain tidak boleh menahan mereka daripada terus maju. Cuma, apa yang mereka bimbangkan ialah agar kemajuan tidaklah pula menyebabkan masalah sosial di kalangan muda-mudinya. Justeru, mereka berpendapat bahawa pengalaman daripada apa yang berlaku dalam masyarakat lain harus dijadikan panduan agar masyarakat Cam dapat terus maju dan membangun tetapi tidaklah pula menyebabkan terhakisnya pegangan agama Islam serta nilai dan norma yang diwarisi dalam budaya yang mereka amalkan selama ini.

## RUJUKAN

- Asia Pacific online network of women in politics, governance and transformative leadership muat turun dari <http://www.onlinewomeninpolitics.org/cambo/cmbdmain.htm>
- Diana Mendoza. 2008. Development: social cost of migration hits women, families, IPS Asia-Pacific under a series on gender and development, with the support of UNIFEM East and South-east Asia Regional Office, muat turun <http://ipsnews.net/news.asp?idnews=44037>;
- Fitzgerald, I. & So Sovannarith. 2007. *Moving Out of Poverty? Trends in Community Well-Being and Household Mobility in Nine Cambodian Village*. Phnom Penh: Cambodia's Leading Independent Development Policy Research Institute.
- <http://countrystudies.us/cambodia/43.htm>
- <http://faroutliers.blogspot.com/2004/09/cambodias-cham-minorities.html>
- Lafont, P-B. sunt. 1997. *Semenanjung Indochina: Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Marrison, G.E. 1975. The early Cham language, and its relationship to Malay. *The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 48 (part 2) 228: 52- 59.
- Mohamad Zain Musa. 2007. Perpindahan dan hubungan semasa orang Cam. *Jurnal Sari* 26: 351-366.
- Mohamad Zain Musa. 2004. Masyarakat Cam dan migrasinya. Kertas kerja untuk 4th International Malaysia Studies Conference, Bangi 3-5 Ogos.

- Mohamad Zain Musa. 2003. Masyarakat Cam di Malaysia: Tinjauan di Negeri Kelantan. Dlm. *suntingan A. Aziz Deraman, Peradaban Melayu Timur Laut*, 156-178. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Mohamed Nik Mohamd Salleh. 2005. Hubungan kekeluargaan di antara masyarakat Cam dengan masyarakat Melayu di Kelantan. Artikel dibentang dalam Seminar Antarabangsa Kajian Campa Siri Kedua di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor pada 30 November.
- Po Dharma. 1981. Notes sur les Cam du Cambodge. In *Seksa Khmer*, décembre 1981, No. 3-4, Paris: Centre de Documentation et de Recherche sur la Civilisation Khmère, p. 161-183.
- Ross, Russell, R., eds. 1987. Cambodia, A country study, Washington GPO for the library of congress. <http://countrystudies.us/cambodia/>
- Save Cambodia Wildlife (SCW). 2006. *The Atlas of Cambodia: National Poverty and Environment Maps*. Phnom Penh: Save Cambodia's Wildlife.
- Taylor. P. 2007. *Cham Muslims of the Mekong Delta: Place and Mobility in the Cosmopolitan Periphery*. Singapore: ASAA Southeast Asian Publication Series.
- United Nations Development Programme. 2004. *Human Development Report 2004: Cultural Liberty in Today's Diverse World*. New York: UNDP.
- Viviane, Frings, K. 1997. Rewriting Cambodian history to 'adapt' it to a new political context: The Kampuchean people's revolutionary party's historiography (1979-1991). *Modern Asian Studies* 31(4): 807-846.
- World Development Bank. 2003. *Making Service Work for Poor People, World Development Bank Report 2004*. Washington D.C.: World Bank and Oxford University Press.

Mohamad Zain Musa, Ph.D  
Felo Kanan  
Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) UKM  
matzen@ukm.my

Farid Mat Zain, Ph.D  
Pensyarah Kanan  
Jabatan Pengajian Arab dan Tamaddun Islam  
Fakulti Pengajian Islam, UKM  
farid@ukm.my

Fatimah Abdullah, Ph.D  
Program Kerja Sosial  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM  
timah@ukm.my